

Menteri BUMN Indonesia Terima Ijazah Kehormat Doktor Persuratan UniMAP

Menteri Badan Usaha Milik Negara (BUMN) Indonesia, Bapak Dahlan Iskan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Persuratan oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP). Penganugerahan itu diberikan sebagai menghargai sumbangan dan pencapaian Bapak Dahlan dalam memartabatkan industri media di Indonesia dengan menerajui Jawa Post News Network yang memiliki lebih 207 akhbar, 65 majalah, 42 stesen TV tempatan, jaringan pemberitaan, kilang kertas, dan belasan pejabat pentadbiran. Selain itu, ketokohan beliau sebagai Menteri BUMN dalam memimpin sektor perusahaan dan industri di Indonesia juga merupakan antara kriteria utama penganugerahan tersebut. Penganugerahan tersebut juga merupakan susulan kepada perlantikan beliau sebagai Profesor Tamu di UniMAP yang dibuat September tahun lalu di Jakarta.

Raja Muda Perlis yang juga Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail telah berkenan berangkat hadir menyempurnakan upacara penganugerahan tersebut. Berangkat sama, Raja Puan Muda Perlis yang juga Pro Canselor UniMAP, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil. Dalam titahnya Baginda berkata, penganugerahan tersebut diharap dapat mengukuhkan lagi hubungan antara Malaysia dan Indonesia terutama dalam aspek pendidikan memandangkan kedua-dua negara memiliki persamaan budaya dan bahasa.

Bapak Dahlan dalam ucapan balasnya melahirkan rasa gembira dan bangga dengan penghormatan yang diberikan UniMAP dan berharap hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia dapat ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa. Beliau juga mahu hubungan itu terus diperkukuhkan kerana banyak kerjasama yang boleh diterokai antara kedua-dua negara, khususnya dalam bidang pendidikan. Beliau turut menyifatkan UniMAP sebagai sebuah universiti yang unggul apabila memiliki empat teras utama yang harus ada dalam sesebuah organisasi iaitu logik, etika, estetika (seni) dan kinetik. UniMAP mengadunkan keempat-empat nilai ini dalam pentadbirannya baik dari aspek penawaran kurikulum pengajian, seni binaan bangunan, penyediaan kemudahan sukan serta riadah yang mencukupi dan ianya menjadikan UniMAP sebagai salah sebuah universiti unggul.

Bapak Dahlan Iskan turut diraikan dalam satu majlis santapan malam di Dewan Mes Polis sempena penganugerahan tersebut. Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Al-Marhum Tengku Abdul Rashid telah berkenan bercemer duli berangkat ke majlis berkenaan.

